

Terowong SMART tutup, KL terus sesak

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

KUALA LUMPUR

25 Mac - Kesyakan lalu lintas di ibu negara semalam terutama ketika waktu 'puncak' di sebelah pagi ekoran penutupan sementara laluan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART), berulang hari ini.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat, PLUS Expressway Berhad, Khalilah Mohd. Talha (**gambar**) berkata, hasil pemantauan trafik pihaknya mendapati kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan hari ini bagaimana pun tidak seteruk semalam.

"Walaupun pergerakan kenderaan perlahan,



Walaupun pergerakan kenderaan perlahan, namun aliran trafik masih bergerak

namun aliran trafik masih bergerak.

"Kita nasihatkan orang ramai yang ingin memasuki ibu kota melalui Lebuhraya Utara Selatan arah utara supaya menggunakan laluan alternatif bagi menghindari kesesakan hari ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Terowong SMART ditutup oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak Sabtu lalu bagi membolehkan penyaluran air ke kolam-kolam takungan bagi mengelak banjir kilat ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lepas.

Pihak JPS dan SMART setakat ini belum dapat memastikan bila terowong itu akan dibuka semula kerana ia bergantung kepada keadaan cuaca semasa.

KHALILAH MOHD. TALHA
Pengurus Besar Komunikasi Korporat,
PLUS Expressway Berhad

Kesyakan lalu lintas paling teruk berlaku semalam yang mengakibatkan deretan kenderaan sejauh kira-kira 15 kilometer dan berlarutan selama lebih empat jam bermula pukul 7.30 pagi.

Beberapa jalan utama menuju pusat bandar raya mengalami kesesakan berikutan penutupan terowong itu terutama di Jalan Tun Razak menghala ke selatan.

Laluan kenderaan di terowong sejauh tiga kilometer itu selama ini menjadi alternatif kepada warga kota.

Dalam pada itu, Khalilah menambah, orang ramai yang ingin mengetahui keadaan semasa trafik di lebuhraya dan ibu negara boleh menghubungi talian 1-800-88-0000.